

Dr. M sedih Nik Aziz masih pertahan pemimpin maki hamun

UM 13 JUL 2002

PUTRAJAYA 14 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hairan dan sedih kerana orang yang mendakwa dirinya ulama seperti Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat terus mempromosi dan mempertahankan pemimpin-pemimpin Pas yang memaki hamun dan mencarut.

Perdana Menteri menegaskan perbuatan memaki hamun dan mencarut itu adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

“Saya hairan seorang yang dakwa dirinya ulama dan ahli agama membiarkan orang maki hamun, mencarut dan macam-macam... saya rasa sedih.

“Dia pertahankan Shahnon (Ahli Parlimen Sik, Datuk Shahnon Ahmad) bila Shahnon mencarut. Dia pertahan Mat Sabu (Ahli Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu) bila Mat Sabu maki hamun. Apa budaya pemimpin Pas yang semacam itu,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penghargaan kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) 2002 dan pelancaran LTdL 2003 di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas membela anggota Parlimen Kuala Kedah, Mohamad Sabu memaki hamun anggota dan pemimpin UMNO.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, semua perkara yang dilakukan oleh Pas termasuk dalam soal agama adalah bermotifkan kepentingan politik dan bermatlamat mendapatkan undi semata-mata.

Beliau menegaskan, perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui pelbagai tindak-tanduk Pas seperti mempertahankan para pemimpinnya yang memaki hamun dan men-

carut serta menolak penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan Matematik.

“Semua yang Pas buat, semua politik. Agama pun politik. Tidak ada satu yang Pas buat yang tidak bertujuan untuk pancing undi,” ujarnya.

Beliau berkata, jika pemimpin Pas merasakan ada pemimpin kerajaan yang melakukan sesuatu yang tidak betul, laporkan perkara itu, dan bukan dijadikan alasan untuk memaki hamun orang lain.

“Saya tak tahulah kalau ada orang buat sesuatu yang tak baik. Beritahulah apa dia yang tidak baik. Dia cuma kata, kalau dia maki tentu ada sebab. Apa dia sebabnya,” ujarnya.

Mengenai penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, Perdana Menteri berkata, tiada sebab untuk Pas mempertahankan bahasa Melayu kerana parti itu sendiri mahu menghapuskan hak istimewa orang Melayu jika berkuasa.

Sepatutnya, kata Dr. Mahathir, Pas bukan sahaja tidak mempertahankan bahasa Melayu, tetapi apa juga bahasa yang digunakan.

Justeru, beliau meminta rakyat menilai segala tindak-tanduk Pas itu dalam menentukan pilihan mereka pada pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu, Khamis ini.

“Itu (tindakan Pas) untuk rakyat membuat penilaian. Kalau rakyat menyokong orang yang buat kerja yang tak baik, kita akan dapat nasib yang tak baik,” katanya.

Pada masa yang sama, beliau juga mahukan jentera BN memperhebatkan gerakan mereka untuk merampas kembali kedua-dua kawasan itu daripada Pas.